

Kabinet arah jangan sambung kerja Projek Hidro Pergau

KUALA TERENGGANU 15 Julai — Kabinet hari ini mengarahkan supaya kerja-kerja di Projek Hidro Elektrik Pergau tidak disambung semula walaupun semua halangan yang menyekat jalan-jalan masuk ke tapak projek itu telah diturunkan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, projek tersebut hanya akan diteruskan jika Kerajaan Kelantan memberi pengakuan bertulis tidak akan mengganggu lagi pelaksanaannya.

Beliau berkata Kerajaan Pusat sedia menghadapi apa juga kemungkinan termasuk membatalkan projek \$1.3 bilion itu jika Kerajaan Pas Kelantan tidak dapat memberikan pengakuan ini.

Menurutnya, Kabinet hanya membenarkan kerja-kerja penyenggaraan sahaja dibuat bagi memastikan tidak berlaku kerosakan pada apa juga yang telah dibina setakat ini termasuk bagi menjaga jentera dan peralatan lain.

Kabinet juga memutuskan bahawa bayaran kepada kerajaan negeri yang berjumlah \$117 juta dibuat secara tahun ke tahun sebanyak \$2 juta setahun selama 35 tahun. Bayaran sekali gus seperti yang dituntut tidak akan dibuat.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di sini hari ini, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan tidak dapat meneruskan projek itu walaupun ia telah membelanjakan \$400 juta setakat ini kerana bimbang kerajaan negeri akan membuat angkara lain pula setelah dua kali menggagalkannya.

"Kalau kita meneruskannya sampai kita sudah berbelanja \$600 hingga \$700 juta dan angkara lain pula berlaku, maka komitmen kita sudah banyak.

"Dalam keadaan ini kita sudah tidak ada fleksibiliti lagi untuk membuat keputusan sama ada hendak meneruskan projek tersebut.

"Ini akan menjadi satu tekanan kepada kita kerana kita tidak lagi berupaya mengambil tindakan seperti memberhentikan projek itu," jelasnya.

Sebab itulah, katanya, Kerajaan Pusat memerlukan satu pengakuan daripada Kerajaan Kelantan bahawa ia tidak lagi akan menghalang kerja-kerja projek Pergau.

Sebarang masalah, tambahnya, hendaklah diselesaikan secara perundingan.

"Sebab itu kabinet hari ini membuat keputusan bahawa hanya kerja-kerja penyenggaraan yang perlu dibuat sahaja yang akan diteruskan, umpamanya, kerja mengepam air.

"Kerja-kerja lain tidak akan dimulakan sehinggalah kita mendapat pengakuan daripada Kerajaan Kelantan.

"Selagi tidak ada pengakuan itu kita tidak boleh teruskan projek ini," tegasnya.

Perdana Menteri memberitahu, kabinet juga meminta supaya proses rundingan dipercepatkan supaya isu ini dapat diselesaikan dengan cepat.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Pusat akan meminta Kerajaan Kelantan menanggung sebahagian daripada kerugian yang dialami akibat tindakannya menyekat jalan-jalan masuk ke projek Pergau.

Menurutnya, taksiran kerugian yang dialami itu sedang dibuat.

Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa Kerajaan Pusat pernah memikirkan semula kedudukan projek Pergau, sama ada hendak diteruskan, apabila Kerajaan Negeri Kelantan bertukar tangan kepada Pas.

Bagaimanapun katanya, keputusan diambil supaya projek itu diteruskan juga demi kepentingan rakyat.